

22 NOV 2000
LID 2000-RUMUSAN AKHIR
LID 2000 DITUTUP DGN JAYA

Oleh: Yong Soo Heong

LANGKAWI, 22 Nov (Bernama) -- Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000), bahagian kedua daripada Dialog Perkongsian Bestari Global 2000, berakhir hari ini dengan hampir kesemua cadangan atau wawasan dibangkitkan dalam dialog yang berlangsung selama empat hari itu.

LID 2000 adalah mengenai menjadikan wawasan sebagai satu realiti dan ianya dianggap berjaya ditangani dengan jayanya, dinilai daripada maklum balas oleh delegasi yang terdiri daripada ketua-ketua kerajaan, tokoh akademik, ahli perniagaan ataupun penganjur-penganjur.

Selain berjaya menangani apa yang sepatutnya dilakukan daripada segi beberapa aspek negatif proses globalisasi, dialog itu menekankan kepada lebih banyak tindakan bestari di samping isu-isu lain -- menjana kekayaan dan pertumbuhan ekonomi, membasmi kemiskinan, hubungan perniagaan dan media.

Perbincangan di bawah isu sosial menyaksikan pengulangan desakan bagi menangani penyakit merbahaya seperti malaria.

Di bawah sokongan bagi konsep " satu suara" yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di majlis pembukaan dialog pada Sabtu lalu, peserta-peserta menyuarakan akan keperluan bagi DDT diperkenalkan semula dan bagi meneroka potensi perubahan tradisional.

Ini paling penting memandangkan bilangan besar kanak-kanak yang mati setiap tahun kerana penyakit-penyakit yang boleh dicegah.

Dialog itu juga mendapati terdapat sedikit kehilangan minat pada perniagaan-perniagaan besar dan terdapat keperluan untuk mengenal pasti rakan-rakan bestari daripada sektor perniagaan untuk menjamin kesinambungan bagi pertemuan-pertemuan perkongsian bestari di masa depan.

Dialog itu juga menyokong pandangan yang satu rangkaian berita secara langsung dan alternatif ditubuhkan bagi menyediakan laporan-laporan tepat, seimbang dan objektif mengenai acara-acara dan perkembangan daripada perspektif tempatan dan bukan pandangan luar yang berat sebelah.

Ini memandangkan hakikat yang media boleh menjadi sumber maklumat dan juga sumber salah faham.

Dialog itu mengesahkan semula perlunya penubuhan dan pemantapan pusat-pusat atau rangkaian-rangkaian untuk menyelaraskan pelbagai tindakan di bawah prinsip perkongsian bestari.

Di bawah naungan konsep "sama-sama untung", pusat-pusat seperti itu akan membawa bersama idea-idea dan inisiatif untuk memastikan yang ia membawa kualiti kehidupan yang lebih baik bagi penduduk-penduduk ekonomi sedang muncul.

-- BERNAMA
SHY FR ZK PR